



AKTA BANTUAN GUAMAN 1971 (AKTA 26)

Oleh:

Devina Teo

Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah

ISI KANDUNGAN

- **Bahagian II – Pentadbiran**
- S.3 Ketua Pengarah Bantuan Guaman dan orang lain yang membantunya
- S.4 Penyeliaan keseluruhan oleh Menteri
- S.5 Panel peguam
- S.6 –s.9 (dipotong)

- **Bahagian III – Bantuan Guaman dalam Kes Jenayah**
- S.10- Permohonan untuk bantuan guaman dalam kes jenayah
- S.11- Perakuan bantuan guamaan percuma

- **Bahagian IV- Bantuan Guaman dalam tindakan sivil**
- S.12- Syarat am mengenai bantuan guaman dalam tindakan sivil
- S.13- Permohonan untuk bantuan guaman dalam kes sivil
- S.14- Kuasa Ketua Pengarah untuk membuat siasatan
- S.15- Pemberian perakuan bantuan guaman

- S.16-Kuasa tambahan bagi memberikan perkhidmatan bantuan guaman
- S.16A-Pemberian perakuan bantuan guaman apabila Ketua Pengarah diberi kuasa oleh Menteri untuk memberikan bantuan guaman
- S.16B-Fi pendaftaran
- S.17 – dipotong
- S.18- Sumbangan daripada orang yang dibantu
- S.19- Pembatalan perakuan
- S.20-Permohonan bantuan oleh lebih daripada satu pihak

- S.21-Mencatatkan dan memfailkan perakuan
- S.22-Deposit bagi perbelanjaan luar jangka
- S.23-Mahkamah boleh memerintahkan pembayaran kos oleh orang yang dibantu dalam sesuatu hal
- S.24- Bantuan guaman tidak boleh diberhentikan tanpa kebenaran
- S.25 – Kos
- S.26-Prosiding digantung apabila permohonan bantuan guaman dibuat
- S.27- Rayuan daripada orang yang dibantu
- S.28- Kaedah-kaedah Mahkamah

- **Bahagian V –NASIHAT GUAMAN**

- S.29- Hak untuk mendapat nasihat guaman dan jenis nasihat

- **Bahagian VA- PENGANTARAAN**

- S.29A-Penyediaan perkhidmatan pengantaraan

- S.29B-Pertikaian

- S.29C-Pengantaraan adalah atas dasar sukarela

- S.29D-Penyelesaian atau persetujuan hendaklah dituliskan

- S.29E-Komunikasi sulit dengan pengantara

- S.29F-Pengantara

- **Bahagian VI –AM**

- S.30- Keistimewaan bagi hubungan tertentu

- S.31-Penyataan palsu

- S.31A-Keputusan yang dibuat di bawah Akta adalah terakhir dan muktamad

- S.31B-Pelepasan daripada liabiliti

- S.32-Peraturan-peraturan

- S.33-Pemansuhan

APA ITU BANTUAN GUAMAN (BG)?

Suatu proses memberi **bantuan, pertolongan** dan **nasihat guaman** kepada mereka yang **tidak berkemampuan** dan untuk memberi kesedaran undang-undang kepada masyarakat dengan cekap, tepat dan berkesan.

- Jabatan Bantuan Guaman di Bawah Jabatan Ketua Menteri.
- Di tubuhkan pada 1970 dengan nama Biro Bantuan Guaman.
- 16.1.2010 di kenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

APAKAH UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA JBG?

- Akta Bantuan Guaman 1971 (ABG)
- Berkuatkuasa pada 1971.
- Perjalanan pentadbiran harian JBG dikawal oleh Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman 1970 dan Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Pengantaraan) 2006.
- Terpakai di seluruh Malaysia.

SITUASI SEPERTI MANAKAH SESEORANG BOLEH DAPATKAN BG?

- Prosiding di semua Mahkamah dalam bidang kuasa yang diperuntukkan dalam **Jadual Kedua (bidang kuasa jenayah) (S.10)** dan **Jadual Ketiga (bidang kuasa sivil) (S.13)**
- **Keperluan pengantaraan (Mediator) – seksyen 29A- 29F**

SIAPAKAH YANG LAYAK UNTUK MENDAPATKAN BG?

- Mereka yang tidak berkemampuan.

Siapakah yang di kategori sebagai tidak berkemampuan?

- Ujian kemampuan (means test) akan menentukan definisi mereka yang tidak berkemampuan.

Bagaimana means test di jalankan?

Kelayakan di tentukan dengan pembahagian 2 kategori kemampuan:

a. Seksyen 15 2(b)

Sumber kewangan tidak melebihi RM25,000 setahun (Fi pendaftaran : RM2.00)- seksyen 15 (2) (b) & 16B

b. Kuasa Tambahan (seksyen 16 1(b) &16B)

- Sumber kewangan melebihi RM25,000 setahun tetapi kurang daripada RM30,000 setahun (Fi pendaftaran : RM2.00 + Sumbangan (seksyen 18)

c. Pengecualian Khas dengan syarat mendapat kelulusan dari Menteri melalui permohonan yang di buat melalui Ketua Pengarah JBG. –

1. Seksyen 16A,

Memerlukan bantuan tapi tidak layak kerana kriteria pendapatan tahunan di atas.

2. 10 (2A) (Kes Jenayah) & seksyen 12 (3) (Kes Sivil)

Pemohon tidak layak mendapat bantuan guaman sama ada; secara percuma atau dengan sumbangan dan kes pemohon tidak termasuk dalam Jadual Kedua atau Ketiga dan dengan syarat kebenaran khas Menteri melalui Ketua Pengarah untuk pertimbangan dan pengecualian dengan syarat bahawa terdapat merit (kepentingan keadilan) dalam permohonan tersebut.

JIKA LULUS UJIAN KEMAMPUAN?

- Pemohon dikehendaki mengisi borang-borang bantuan guaman yang berkaitan.
- Temu duga lengkap direkodkan untuk mengenal pasti isu, remedi dan keperluan-keperluan pemohon.
-

- Permohonan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman. (Seksyen 13)
- Suatu borang akuan berkanun hendaklah diisi dan ditandatangani oleh pemohon di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.
- Jika ada maklumat yang diberikan berkaitan dengan pendapatan bulanan atau apa-apa maklumat didapati palsu, pemohon boleh didakwa di bawah **seksyen 31** dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih daripada 6 bulan. (Seksyen 31)

- Fail tindakan dibuka dan didaftarkan.
- Fail tindakan diproses.
- Setelah di atas selesai satu perakuan bantuan guaman (Sijil) akan dikeluarkan dan ia akan terus berkuat kuasa sehingga kes itu selesai atau ia boleh **di batalkan atas sebab-sebab berikut:**

***Seksyen 19**, Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) boleh membatalkan perakuan bantuan guaman.

* Mengikut peraturan 8 Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman 1970, sesuatu perakuan bantuan guaman boleh dibatalkan dalam mana-mana daripada hal keadaan yang berikut:

- a. atas permintaan (orang yang telah dikeluarkan perakuan itu) dengan kebenaran Menteri.
- b. pemohon dikehendaki membuat sumbangan dan apa-apa bayaran mengenai sumbangan itu tertunggak lebih daripada 30 hari.

- c. jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa prosiding yang dimaksudkan telah selesai;
- d. jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa orang yang dibantu menghendaki prosiding itu dijalankan dengan cara tidak munasabah hingga mengakibatkan perbelanjaan yang tidak patut kepada Jabatan Bantuan Guaman;
- e. jika orang yang dibantu telah meninggal dunia;
- f. jika orang yang dibantu telah menerima suatu perintah penerimaan;

- g. jika sumber kewangan orang yang dibantu itu melebihi RM30,000.00 setahun setelah ketentuan lanjut diperoleh;
- h. jika hasil daripada maklumat, Ketua Pengarah berpendapat bahawa orang yang dibantu itu tidak lagi ada alasan yang munasabah untuk menjadi pihak prosiding itu dan adalah tidak munasabah baginya untuk terus menerima bantuan guaman;

- i. Jika orang yang dibantu semasa membekalkan maklumat telah dengan sengaja memberi apa-apa kenyataan atau pernyataan yang palsu dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih daripada 6 bulan.

APAKAH PERKHIDMATAN UNDANG-UNDANG YANG DI KENDALIKAN OLEH JBG

1. Nasihat Guaman (seksyen 29)

- Semua perkara yang terkandung dalam
(1) Jadual 2 (Perihal Prosiding Jenayah),
(2) Jadual 3 (Perihal Prosiding Sivil), dan
•(3) Jadual 4 (Perihal Perkara Yang Boleh Diberi Nasihat Guaman).
- Dibuat secara lisan dan hendaklah diadakan bagi orang yang bermastautin dan berada di Malaysia.

a.Subseksyen (4) menetapkan syarat bagi mereka yang ingin mendapatkan nasihat guaman:

- a. Memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa dia tidak mampu untuk mendapatkan nasihat guaman dengan cara yang biasa.
- b. Membayar fi sebanyak RM 2 atau apa-apa fi yang lain kepada Ketua Pengarah.

2. Pertolongan Guaman.

- Untuk tujuan mewakili dalam segala hal prosiding tertakluk kepada bidangkuasa dalam:
 - a. Jadual ke-2 untuk perihalan Jenayah (Seksyen 10-11).
 - b. Jadual ke-3 untuk perihalan sivil termasuk syariah (Seksyen 12-28).

1. Jadual ke-2 untuk perihalan Jenayah.
(Seksyen 10-11).
 - Pemohon boleh di wakili dalam apa-apa perihal prosiding jenayah tetapi dengan syarat:
 - a. Tertuduh tidak di wakili peguam;
 - a. Mengaku salah terhadap pertuduhan; dan
 - c. Ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman yang dikenakan.

Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari selepas pertuduhan atau sabitan.

Pengecualian terhadap syarat di atas;

- a. Prosiding jenayah bawah Akta Kanak- Kanak 2001 (Akta 611).
- b. Prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan- Kesalahan Kecil 1995 (Akta 336).
- c. Pemohon boleh mendapat bantuan guaman secara sepenuhnya apabila Pengarah Jabatan Kebajikan mengesahkan pemohon langsung tidak mampu mendapatkan bantuan

1. Jadual ke-3 untuk perihalan sivil termasuk syariah (Seksyen 12-28)

Litigasi sivil:

- ❖ Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [Akta 263].
- ❖ Prosiding di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan Bagi Penguatkuasaan) 1949 [Akta 34] untuk perintah sementara.
- ❖ Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [Akta 356].
- ❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273].

❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 [Akta 528].

❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98].

❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan mengenai tindakan-tindakan sivil bagi ganti rugi yang timbul daripada kemalangan yang melibatkan kenderaan-kenderaan motor yang termasuk dalam pengertian Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400].

- ❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan mengenai prosiding perceraian dan jagaan.
- ❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan mengenai prosiding berhubung dengan penyewaan.
- ❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212].
- ❖ Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka.
- ❖ Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257].
- ❖ Tuntutan-tuntutan pengguna

Litigasi Syariah

❖ Prosiding berhubung dengan perceraian, nafkah, jagaan dan harta sepencarian dalam mahkamah-mahkamah yang mentadbirkan hukum Syarak di mana mana-mana orang atau peguam bela dan peguam cara dibenarkan hadir.

1. Bantuan Guaman

- Bantuan guaman berbentuk Pengantaraan (mediation) (seksyen 29A-29F).
- Proses mencari penyelesaian terhadap suatu permasalahan di selesaikan dengan damai tanpa perlu pergi ke Mahkamah.
- Menteri boleh memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk sediakan sesi pengantaraan kepada orang yang di bantu.

- Seksyen 29B, sesiapa orang yang terlibat dalam apa-apa pertikaian yang pertikaiannya tertakluk dalam jadual ke-3 atau mungkin tertakluk pada jadual tersebut boleh rujuk pertikaian pada pengantara. (kes Sivil)

Proses Pengantaraan

- Sessi pengantaraan adalah di buat atas dasar sukarela kedua-dua pihak yang terlibat dan bila-bila masa mana-mana pihak boleh menarik diri- seksyen 29C.
- Apapun persetujuan yang di capai dalam proses pengantaraan hendaklah di tulis dan di persetujui oleh mereka yang terlibat dalam sesi itu- Seksyes 29D

- Setiap komunikasi dalam sesi itu adalah sulit dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana pihak- dalam sesi itu sama ada dengan paksaan atau tidak- seksyen 29E.
- Menteri boleh melantik sesiapa sahaja yang berkelayakan yang tidak hadir dan berguam dalam mana-mana Mahkamah di Malaysia untuk menjadi pengantara- Seksyen 29F.

Jenis kes untuk pengantaraan:

a. Sivil

- ❖ Nafkah isteri dan anak-anak.
- ❖ Aset perkahwinan.
- ❖ Kebajikan anak-anak.
- ❖ Terma-terma pembubaran perkahwinan di bawah pestisyen bersama.
- ❖ Kemalangan kenderaan motor yang tidak melibatkan syarikat insurans.
- ❖ Tuntutan pengguna.

b. Pengantaraan syariah.

Jenis kes yang sesuai untuk pengantaraan ialah:

- ❖ Nafkah isteri dan anak-anak.
- ❖ Harta Sepencarian.
- ❖ Kebajikan anak-anak.

- Seksyen 10 (6); seorang hakim wajib memaklumkan kepada seseorang di Mahkamahannya haknya untuk mendapat bantuan guaman.
- Seksyen 24; Bantuan guaman tidak boleh diberhentikan tanpa kebenaran.
- Seksyen 26; Prosiding digantung apabila permohonan bantuan guaman dibuat.

ADAKAH SEBARANG KOS YANG TERLIBAT DALAM BG?

Mahkamah boleh memerintahkan pembayaran kos oleh orang yang dibantu dalam sesuatu hal (Seksyen 23)

Mahkamah atau hakim boleh memerintahkan orang yang dibantu membayar kos Ketua Pengarah atau kos peguam yang mewakilinya atau kos pihak yang satu lagi jika didapati:

- a. Perakuan bantuan guaman yang diberikan samaada di bawah seksyen 15 atau 16 telah dibuat secara fraud atau salah nyataan.
- b. Jika didapati bahawa orang yang dibantu menghendaki prosiding itu dijalankan dengan cara tidak munasabah dan tidak bertindak dengan sepatutnya dalam membela apa-apa prosiding.

Seksyen 25

Seorang yang dibantu boleh berhak ke atas kos dalam mana-mana prosiding yang kos dibenarkan seolah-olah dia bukan seorang yang dibantu (melainkan pihak yang satu lagi juga orang yang dibantu).

Sekiranya kedua-dua pihak dalam sesuatu pertikaian layak untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman, adakah Jabatan Bantuan Guaman akan membantu kedua-dua pihak atau hanya pihak yang mula-mula hadir ke Jabatan?

- Perkhidmatan bantuan guaman adalah terbuka kepada semua pihak yang layak tanpa mengambil kira pihak manakah yang hadir dahulu ke Jabatan Bantuan Guaman.

Apakah yang akan berlaku sekiranya kedua-dua pihak yang terlibat dalam sesuatu pertikaian diwakili oleh Jabatan Bantuan Guaman?

- Sekiranya perkara ini berlaku, kedua-dua pihak akan dirujuk ke sidang pengantaraan di JBG untuk mencari suatu penyelesaian di luar mahkamah. Jika sidang pengantaraan gagal, kes mereka akan dirujuk kepada panel peguam yang dilantik mengikut seksyen 5 Akta Bantuan Guaman 1971 dan fi guaman akan dibayar oleh Jabatan Bantuan Guaman.

Peguam Panel (seksyen 5 & 20)

- Peguam panel Jabatan Bantuan Guaman ialah peguam-peguam swasta, terdiri daripada Peguambela
- Peguamcara yang mempunyai sijil amalan guaman yang sah dan telah dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman untuk mengendalikan kes-kes sivil dan syariah yang diserahkan oleh pihak Jabatan dengan kadar bayaran tertentu yang akan ditanggung oleh pihak Jabatan.
- Tujuan ada peguam panel untuk memastikan tidak wujudnya ketikadilan pada pemohon bantuan guaman.

Jenis-jenis kes yang boleh diserahkan kepada peguam panel ialah;

a. Kes-kes di mana sekiranya kedua-dua pihak layak untuk mendapat bantuan guaman.

b. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman tidak boleh mewakili atau bertindak bagi mana-mana pihak atau kedua-dua pihak kepada pertikaian berkenaan.

c. Kes-kes yang melibatkan isu undang-undang yang rumit dan kompleks.

d. Kes-kes lain yang boleh menyebabkan wujudnya percanggahan kepentingan sekiranya diwakili oleh Jabatan Bantuan Guaman.

- **Contoh Soal-an-
Soalan Peperiksaan
Tahun 2010-2016**

(1) Dengan merujuk kepada Akta Bantuan Guaman 1971, terangkan perbezaan prosiding di antara bantuan guaman sivil dan bantuan guaman jenayah.

Kes Jenayah

Kes Sivil

Jadual kedua

Jadual Ketiga

Memohon secara bertulis kpd hakim atau Ketua Pengarah (S.10 (3)) untuk tujuan pembelaan atau rayuan

Memohon sendiri atau wakil secara bertulis kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman (s.13)

Memohon bantuan untuk menjalankan atau menyediakan rayuan setelah Pendakwa Raya menyerahkan notis rayuan

(S.14) –KP boleh membuat siasatan, meminta dokumen / maklumat, menghendaki pemohon hadir sendiri, dll

Disertai dengan suatu akuan berkanun yang mengesahkan fakta yang disebut dalam permohonan

Disertai dengan suatu akuan berkanun yang mengesahkan fakta yang disebut dalam permohonan

Hakim yang membicarakan hendaklah memberitahu orang itu dia berhak untuk memohon bantuan guaman

KP akan memberi perakuan bantuan guaman jika;

- (i) Pemohon memiliki sumber kewangan tidak melebihi RM25,000 setahun (s.15 (b))
- (ii) Pemohon memiliki sumber kewangan melebihi RM25,000 tidak lebih RM30,000

| Jenayah | Sivil |
|---|-----------------------------------|
| <p>Hakim atau KPBG boleh merujukkan permohonan kpd KPKM untuk laporan kemampuan pemohon itu</p> <p>Tidak mempunyai kemampuan –KPBG boleh mengarahkan supaya perbelanjaan dibuat bagi membela orang itu dan membayar semua saksi material (s.11 (2))</p> | <p>Fi pendaftaran RM2 (s.16B)</p> |
| <p>Fi pendaftaran –tidak dinyatakan dalam kes jenayah</p> | |
| | |

1) Permohonan Prosiding Bantuan Guaman kes sivil

- Rujuk seksyen 13 (1) -(4), seksyen 14 & Jadual 3.
- Prosiding sivil dalam Jadual Ketiga
- **Seksyen 13 (Permohonan untuk bantuan guaman dalam kes sivil)**
- Membuat permohonan kepada KPBG
- Permohonan disertai dengan suatu akuan berkanun yang mengesahkan fakta yang disebut dalam permohonan itu
- **Seksyen 14 (Kuasa Ketua Pengarah untuk membuat siasatan)**
- **(a)** membuat siasatan mengenai kemampuan dan keadaan pemohon itu atau merujuk kepada KPKM

- (b) menghendaki pemohon itu memberikan maklumat atau dokumen bagi menimbangkan permohonan itu
- (c) menghendaki pemohon itu hadir sendiri
- (d) merujuk permohonan itu kepada mana-mana panel peguam untuk menyiasat fakta dan membuat laporan atau pendapat mengenainya
- (e) mengambil atau mengarahkan supaya diambil apa-apa langkah yang perlu bagi memelihara kepentingan pemohon itu sementara menanti keputusan permohonannya
- (f) membayar belanja yang bersampingan dengang perkara di atas

Permohonan untuk bantuan guaman dalam kes jenayah

- Rujuk seksyen 10 (1)-(6), Seksyen (11)(1)-(3) & Jadual 2 dalam Akta
- Prosiding jenayah yang dinyatakan dalam Jadual Kedua
- Boleh memohon dengan bertulis dalam borang yang ditetapkan
- 14 hari selepas pengkomitan di Mahkamah Tinggi di bawah Kanun Tatacara Jenayah atau selepas pertuduhan dan sabitan di mana-mana mahkamah
- memohon untuk bantuan guaman bagi pembelaan atau bagi menyediakan dan menjalankan rayuannya.
- Responden boleh membuat permohonan kepada hakim atau kepada KP untuk bantuan guaman bagi menentang rayuan oleh Pendakwa Raya
- Permohonan hendaklah disertai dengan satu akuan berkanun yang mengesahkan fakta dalam permohonan itu
- Hakim hendaklah memberitahu orang itu yang dia berhak untuk memohon bantuan guaman

- Hakim atau KPBG boleh merujuk permohonan itu kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat untuk laporan mengenai kemampuan pemohon itu
- Jika Hakim atau KPBG berpendapat berdasarkan fakta oleh KPKM bahawa orang itu :
 - (i) tidak mempunyai kemampuan yang cukup
 - (ii) mustahak demi kepentingan keadilan
 - KPBG boleh mengarahkan supaya perkiraan dibuat bagi membela orang itu dan membayar belanja untuk semua saksi material untuk menjalankan atau menentang rayuan

- **(2) Dengan merujuk kepada Akta Bantuan Guaman 1971:**
 - (a) Bincangkan prosedur untuk memohon bantuan guaman dalam kes-kes jenayah**
 - (b) Apakah yang kamu faham dengan pengantaraan?**

a) Prosedur Kes Jenayah

– Jawapan: Rujuk Seksyen 10 & 11

- Rujuk seksyen 10 (1)-(6), Seksyen (11)(1)-(3) & Jadual 2 dalam Akta
- Prosiding jenayah yang dinyatakan dalam Jadual Kedua
- Boleh memohon dengan bertulis dalam borang yang ditetapkan
- 14 hari selepas pengkomitan di Mahkamah Tinggi di bawah Kanun Tatacara Jenayah atau selepas pertuduhan dan sabitan di mana-mana mahkamah
- memohon untuk bantuan guaman bagi pembelaan atau bagi menyediakan dan menjalankan rayuannya.
- Responden boleh membuat permohonan kepada hakim atau kepada KP untuk bantuan guaman bagi menentang rayuan oleh Pendakwa Raya
- Permohonan hendaklah disertai dengan satu akuan berkanun yang mengesahkan fakta dalam permohonan itu
- Hakim hendaklah memberitahu orang itu yang dia berhak untuk memohon bantuan guaman

(b) Apakah yang kamu faham dengan pengantaraan?

- Jawapan: Rujuk Seksyen 29A-29F
- S.29A-Penyediaan perkhidmatan pengantaraan
- S.29B-Pertikaian
- S.29C-Pengantaraan adalah atas dasar sukarela
- S.29D-Penyelesaian atau persetujuan hendaklah dituliskan
- S.29E-Komunikasi sulit dengan pengantara
- S.29F-Pengantara

- **Dalam keadaan tertentu, Mahkamah boleh membuat arahan agar orang yang telah diberikan bantuan guaman membayar kos Peguam Cara yang telah bertindak bagi pihaknya.**
- **Bincangkan ia dengan merujuk kepada Akta Bantuan Guaman 1971.**

Jawapan-rujuk seksyen 23 (1) &(3)

- (1) Jika didapati oleh mahkamah atau hakim bahawa sesuatu perakuan bantuan guaman yang diberikan di bawah seksyen 15 & 16 telah didapatkan dengan **cara fraud/menipu atau salah nyataan**, mahkamah boleh memerintahkan orang yang dibantu itu membayar kos Ketua Pengarah atau kos peguam yang telah bertindak baginya atau kos yang satu lagi itu, atau kos Ketua Pengarah atau peguam dan pihak itu kedua-duanya.
- (2) Jika didapati orang yang dibantu itu **bertindak dengan tidak sepatutnya** dalam kes tersebut

❖ **SIRI 11/ 9.11.2006**

- **QN7. Apakah syarat yang mesti dipenuhi oleh seseorang yang ingin memohon bantuan guaman dan adakah hakim berkewajipan untuk memaklumkan tertuduh tentang hak itu, jika ada.**
- **(Siri 1 2009/ 9.4.2009 QN. 5)**

- Menurut Seksyen 10 (6) ABG seorang hakim wajib memaklumkan kepada seorang di Mahkamah haknya untuk memohon bantuan guaman.
- **Syarat untuk memohon bantuan guaman :**
- Pertama ialah orang tersebut dalam kategori pendapatan tidak melebihi RM 25, 000 (seksyen 15 (2) (b)ABG) dan kategori kedua ialah pendapatan yang melebihi RM 25,000 tetapi tidak melebihi RM 30,000 (seksyen 16 (1)(b)).
- Jika syarat di penuhi menurut, seksyen 16B mana -mana orang yang layak di bantu hendaklah membayar -fi sebanyak RM 2 dan bagi mereka yang dalam kategori dua hendaklah memberi sumbangan.
- Namun begitu bagi mereka yang ingin memohon bantuan tetapi tidak dapat memenuhi syarat di atas masih layak sekiranya mendapat kebenaran menteri melalui ketua pengarah jabatan bantuan guaman seperti dalam seksyen 16A, 10 (2A) dan 12(3) ABG.

- QN11. Bincangkan 2 kategori orang yang miskin dan dianggap layak untuk mendapatkan bantuan guaman dalam konteks Akta Bantuan Guaman 1971.
- Di dalam kes-kes jenayah yang manakah seseorang itu layak memohon bantuan guaman?

- 2 kategori tersebut ialah;
- Pertama ialah orang tersebut dalam kategori pendapatan tidak melebihi RM 25, 000 (seksyen 15 (2) (b)ABG) dan
- Kedua ialah pendapatan yang melebihi RM 25,000 tetapi tidak melebihi RM 30,000 (seksyen 16 (1)(b).
- Menurut seksyen 16B mana -mana orang yang layak di bantu hendaklah membayar -fi sebanyak RM 2 dan bagi mereka yang dalam kategori dua hendaklah memberi sumbangan

- Kes jenayah dalam ABG tertakluk dalam Jadual Kedua dan seksyen 10 ABG. Menurut Jadual Kedua mereka yang layak untuk mendapat bantuan dalam kes jenaya ialah mereka yang:
 - a. tidak diwakili peguam;
 - b. mengaku bersalah terhadap pertuduhan/ pertuduhan-pertuduhan; dan
 - c. ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman yang dikenakan.
- Namun begitu prosiding jenayah bagi kesalahan jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 dan prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil juga layak menerima bantuan guaman.

- Siri 1 2006 / 6.4.2006
- QN2. (a) dengan menggunakan perkataan sendiri, jelaskan apakah yang anda faham dengan pengantaraan?
- (b) Muthu ialah seorang pekerja lama syarikat berdaya saing yang terlibat dalam pengurangan pekerja oleh syarikatnya. Muthu tidak berpuas hati dengan pampasan yang ditawarkan oleh majikannya dan pertikaian berlaku. Muthu merujuk perkara ini kepada anda. Nasihati muthu dengan merujuk Akta Bantuan Guaman 1971.

- a) Tafsiran & Seksyen 29A-29F
- Pengantaraan ialah salah satu alternatif untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian tanpa perlu pergi terus ke Mahkamah. Pengantaraan melibatkan Pengantara membantu siasatan mengenai aduan, tuntutan atau pertikaian yang dibuat oleh pengadu di samping memudahkan penyelesaian antara pihak yang terlibat mengenai isu-isu yang dibangkitkan.
- (b) Dalam kes Muthu oleh kerana beliau tidak berpuas hati dengan pampasan yang ingin di tawarkan oleh majikannya dan ini menyebabkan berlaku pertikaian maka menurut seksyen 29B ABG, Ketua Pengarah boleh merujuk kepada pengantara mengenai pertikaianya tidak kira sama ada pertikaian itu di bawah Jadual Ketiga ataupun ia boleh menjadi pertikaian di bawah jadual tersebut.

- QN8. Encik Bean, seorang penganggur telah di pertuduh atas kesalahan mencuri kasut sukan daripada kedai peralatan sukan. Encik Bean telah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama lapan bulan. Encik Bean memohon bantuan guaman daripada Biro Bantuan Guaman untuk mengurangkan hukumannya. Encik Bean mendapat bantuan tersebut tetapi pihak biro kemudian mendapati beliau telah memberi **keterangan palsu** dalam permohonannya,

- Dalam situasi kes di atas setelah sijil bantuan guaman di dikeluarkan bawah seksyen 15 atau 16 ABG ia boleh di batalkan menurut **seksyen 19 (pembatalan perakuan)** dan setelah mendapat kebenaran Menteri maka Encik Bean akan terhenti menjadi orang yang dibantu mulai dari tarikh pembatalan itu.
- Seterusnya menurut **seksyen 23 (1) (mahkamah boleh memerintahkan pembayaran kos oleh orang yang dibantu dalam sesuatu hal)** jika didapati oleh mahkamah atau hakim yang perakuan bantuan guaman Encik Bean telah didapati melalui salah nyataan atau fraud maka mahkamah atau hakim tersebut boleh memerintahkan Encik Bean membayar kos Ketua Pengarah atau kos peguam yang telah bertindak bagi pihaknya.
- Seterusnya menurut **seksyen 31 (pernyataan palsu)** ABG Encik Bean jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

❖ SIRI II 2008 / 6.11.2008

- QN 8. Apakah perbicaraan yang boleh mendapat bantuan guaman dan terangkan prosedur- prosedur yang perlu dipatuhi dengan merujuk kepada Akta Bantuan Guaman 1971.

- Segala perbicaraan di bawah Jadual Kedua (seksyen 10) dan Jadual Ketiga (seksyen 12) termasuk litigasi syariah di dalam Akta Bantuan Guaman layak mendapat bantuan guaman.
- Namun begitu beberapa syarat yang harus dipenuhi sebelum seseorang layak mendapat perakaun bantuan guaman.
- Syarat tersebut ialah pertama ; orang tersebut dalam kategori pendapatan tidak melebihi RM 25, 000 (seksyen 15 (2) (b)ABG) dan kategori kedua ialah pendapatan yang melebihi RM 25,000 tetapi tidak melebihi RM 30,000 (seksyen 16 (1)(b)).
- Menurut seksyen 16B mana -mana orang yang layak di bantu hendaklah membayar -fi sebanyak RM 2 dan bagi mereka yang dalam kategori dua hendaklah memberi sumbangan terhadap jumlah wang yang kena dibayar atas akaunnya.
- Namun begitu bagi mereka yang ingin memohon bantuan tetapi tidak dapat memenuhi syarat di atas masih layak sekiranya mendapat kebenaran menteri melalui ketua pengarah jabatan bantuan guaman seperti dalam seksyen 16A, 10 (2A) dan 12(3) ABG.

Soalan?

- **devina.teo@sabah.gov.my**

SEKIAN
TERIMA
KASIH

